

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MALAM BUDAYA CEMERLANG DERMAWAN GEMILANG SEK. KEB. BUKIT  
DAMANSARA, KUALA LUMPUR  
Lokasi : SEK. KEB. BUKIT DAMANSARA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 14-10-1994

Bismillahir rahmanir rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara dan pihak Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara kerana menjemput saya untuk merasmikan 'Malam Budaya Cemerlang Dermawan Gemilang' sekolah ini pada malam ini.

2. Saya difahamkan bahawa majlis ini diadakan serentak dengan Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pelajar yang cemerlang di dalam peperiksaan yang telah diadakan pada tahun ini.

3. Alam pendidikan adalah satu persekitaran yang luas yang bukan sahaja merangkumi sistem pendidikan formal, bahkan juga meliputi berbagai-bagai interaksi dan reaksi, formal dan tidak formal, yang merupakan keseluruhan pengalaman yang boleh membantu membentuk keperibadian sesuatu bangsa.

4. Oleh yang demikian, para pendidik, guru-guru dan pihak-pihak yang terlibat perlu peka kepada kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam sistem persekolahan dan pendidikan supaya langkah-langkah tertentu dapat diambil bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

Sebagai pendidik, tuan-tuan dan puan-puan haruslah sentiasa berusaha memperbaiki sistem pembelajaran, baik formal atau tidak formal, supaya nilai-nilai yang sesuai dapat disemai dan dipupuk di dalam masyarakat kita, daripada generasi kepada generasi.

5. Konsep pendidikan yang sempit yang hanya mementingkan fakta semata-mata tanpa memperseimbangkan unsur-unsur sejarah, dan kebudayaan serta aspirasi dan hasrat negara, tidak mungkin boleh melahirkan satu persekitaran pendidikan yang dapat membentuk masyarakat yang mulia yang menghayati nilai-nilai murni serta mempunyai satu budaya yang cemerlang.

6. Kita harus memupuk nilai-nilai murni yang ada pada budaya kita dan menolak nilai-nilai budaya luar yang negatif.

7. Dengan perkembangan ekonomi, sains dan teknologi, dunia kini sudah banyak berubah. Dalam proses pendewasaan, anak-anak juga terdedah kepada pelbagai pengaruh melalui media yang merangkumi media cetak dan media elektronik, wayang gambar dan video.

8. Justeru itu adalah penting anak-anak di beri kepimpinan dan tunjuk ajar yang sewajarnya. Ibu bapalah haruslah menjadi model yang ulung kepada anak-anak mereka dan mengawasi supaya pengalaman positif yang dialami oleh anak-anak mereka akan menjadi pengalaman yang membina akhlak yang mulia.

9. Sementara ibu bapa memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi generasi yang akan datang, pihak lain seperti para guru juga mempunyai tanggungjawab yang penting dalam hal ini.

10. Tugas mereka bukan sahaja setakat mendidik dan menyemai ilmu, tetapi lebih penting mereka perlu menjadi contoh dan teladan kepada murid-murid mereka. Guru-guru harus turut membantu membina nilai murni dan memupuk budaya yang cemerlang di hati murid-murid mereka.

11. Budaya sesuatu masyarakat adalah faktor penting yang akan menentukan maju mundurnya sesebuah masyarakat itu. Budaya bukan sahaja dicerminkan oleh kesenian dan lain-lain aspek fizikal, tetapi juga lebih penting lagi ialah nilai-nilai murni yang diamalkan. Umumnya, semua masyarakat mendakwa dan mengaku penerimaan nilai-nilai yang mulia, tetapi amalan sesuatu masyarakat itu

biasanya tidak selalu membuktikan dan mencerminkan penerimaan nilai-nilai tersebut.

12. Kini kita sering mendengar tentang kecemerlangan dan kualiti. Juga terdapat gesaan dan desakan supaya kita bukan sahaja harus mencapai kejayaan, tetapi juga kejayaan yang cemerlang dan gemilang. Dalam lain perkataan, segala-gala yang kita lakukan hendaklah berkualiti dan cemerlang.

13. Mengejar kualiti hidup dan kualiti dalam segala hal adalah tabiat semulajadi manusia. Jika di dalam sesuatu masyarakat terdapat individu atau kumpulan yang kualiti hidup mereka lebih tinggi daripada yang lain, ini adalah disebabkan `standards' yang berbeza-beza dalam budaya kecemerlangan di antara individu dengan individu yang lain, di antara satu kumpulan dengan kumpulan yang lain, dan di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain.

14. Saya percaya majlis ini mempunyai makna yang besar kepada para pelajar cemerlang yang akan menerima hadiah. Di samping bergembira dengan kejayaan ini, mereka perlu bersyukur kerana masa depan mereka adalah cerah dan sekiranya mereka berusaha dengan bersungguh-sungguh tidak ada sebab mereka tidak dapat mengejar segala impian dan cita-cita mereka ke arah kecemerlangan.

15. Sebagai ibu yang mempunyai anak di sekolah ini, saya ingin menyeru agar kerjasama yang padu di antara ibu bapa dengan guru-guru melalui PIBG dapat di pertingkatkan lagi ke arah mencapai tahap kecemerlangan bagi semua yang terlibat.

16. Saya penuh yakin dengan adanya bantuan, sokongan dan kerjasama yang erat di antara PIBG dengan pihak sekolah, pelbagai program luar kelas yang hendak dirancang akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berjaya.

17. Selaku Penaung Malam Amal ini, saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak di atas segala sumbangan, derma, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan bagi menjayakan malam ini.

18. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu menjadikan Malam Amal ini satu realiti. Kepada para pelajar yang akan menerima hadiah, saya mengucapkan syabas. Kepada yang tidak berjaya, usaha yang lebih gigih hendaklah diteruskan. Yang penting ditekankan di sini ialah generasi muda dan para pelajar hari ini mestilah meningkatkan usaha pembelajaran mereka di setiap peringkat dengan penuh dedikasi dan berdisiplin tinggi serta berusaha menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran sekeliling.

19. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan `Malam Budaya Cemerlang Dermawan Gemilang' Sekolah Kebangsaan Bukit Damansara pada malam ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

\*\*\*\*\*